

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

**YUP 401/4 - Polisi dan Perancangan Komunikasi**

Masa: [3 jam]

---

Jawab **TIGA** (3) soalan.

1. Sarjana-sarjana seperti Dye (1992), Nakamura & Smallwood (1980) dan Anderson (1976) telah membincangkan tentang sumber-sumber yang lazimnya mempengaruhi isu dan agenda yang mengakibatkan penggubalan sesuatu dasar. Bincangkan apakah sumber-sumber tersebut dan nyatakan kekuatan dan kelemahan mereka. Jelaskan kenyataan anda dengan merujuk kepada keadaan di Malaysia.

(100 markah)

2. "Dasar-dasar komunikasi perlu dirangka untuk membangunkan sumber-sumber bagi memenuhi pelbagai sektor penduduk...(O)bjektif utama sebarang dasar komunikasi, khusus bagi sesebuah negara membangun, mestilah menyediakan infrastruktur yang sesuai bagi memenuhi keperluannya, khususnya telekomunikasi dan media." (UNESCO, *Many Voices One World*, 1980, hal. 205).

Berasaskan kepada kenyataan di atas, dan dengan merujuk kepada cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Laporan McBride tentang dasar komunikasi, bincangkan dasar komunikasi kerajaan Malaysia.

(100 markah)

3. Satelit Siaran-Langsung (Direct-Broadcasting Satellite, DBS) telah membangkitkan pelbagai isu. Bincangkan isu-isu tersebut dan apakah implikasi DBS dalam konteks sesebuah negara.

(100 markah)

...2/-

4. Apakah langkah-langkah yang digunakan untuk membendung dan mengubahsuai monopoli periklanan oleh agensi-agensi periklanan antarabangsa (Transnational Advertising Agencies, TNAAs) di negara-negara membangun. Bandingkan keberkesanan relatif langkah-langkah tersebut dengan keadaan di Malaysia.

(100 markah)

-oooOooo-